

**TEKS UCAPAN PROFESOR DATUK TS. DR.
MASSILA BINTI KAMALRUDIN
BAGI MAJLIS PENYERAHAN WANG WAKALAH
ZAKAT KUMPULAN UTeM HOLDINGS**

Tarikh : 27 Ogos 2024
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Canselori UTeM
Masa : 12.30 p.m. – 02.00 p.m.

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera
Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia Menggamit
Dunia
Salam UTeMku Sayang,
Menjajar Universiti, Melonjak Ke hadapan.

**YBHG. DATUK HAJAH ROSNAH BINTI HJ ABDUL
RASHID SHIRLIN**
Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM Holdings Sdn Bhd

PROFESOR DR. ZULKIFILIE BIN IBRAHIM
Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa)

PROFESOR IR. TS. DR. GHAZALI BIN OMAR
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**YBHG. PROFESOR MADYA DATUK DR. SABRI BIN
MOHAMAD SHARIF,**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

PROFESOR MADYA TS. MOHD RAHIMI BIN YUSOFF
Penolong Naib Canselor (Strategik Dan Kelestarian
Global) UTeM
dan merangkap *Care Taker* Ketua Pegawai Eksekutif
UHSB

Pengurusan Tertinggi, UTeM,

Ahli – Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan UTeM Holdings,

Tuan – tuan dan puan - puan yang saya kasihi sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini sempena **Majlis Penyerahan Wang Wakalah Zakat Kumpulan UTeM Holdings.**

YBhg Datuk dan Hadirin yang dihormati,

Saya difahamkan bahawa wakalah zakat bagi Tahun Kewangan 2023 yang akan diserahkan kepada UTeM sebentar lagi adalah **sebanyak RM157,999.83 dengan agihan kepada 3 kumpulan asnaf** iaitu kepada **asnaf dari kumpulan pelajar UTeM** yang diamanahkan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEPA), kepada **asnaf dari Kumpulan Staf UTeM** yang diamanahkan kepada Pejabat Pendaftar dan akhir sekali kepada **asnaf melalui program-program yang dianjurkan oleh Pusat Islam UTeM.**

Bagi pihak Universiti, saya **mengucapkan terima kasih di atas sumbangan sumbangan ini.** Ianya merupakan bukti nyata bahawa UTeM Holdings bukan sahaja memainkan peranan penting dalam bidang perniagaan dan pembangunan ekonomi, tetapi juga komited dalam menjalankan tanggungjawab ibadah yang memberi impak positif kepada masyarakat.

Kepada pemegang-pemegang amanah iaitu HEPA, Pejabat Pendaftar dan Pusat Islam, ini nasihat saya.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UTeM

Kepada YBHG. PROFESOR MADYA DATUK DR. SABRI BIN MOHAMAD SHARIF, wakil penerima dari Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA, wakalah zakat yang diserahkan ini diamanahkan untuk **membantu para pelajar yang memerlukan, terutamanya mereka yang menghadapi kesulitan kewangan dalam meneruskan pengajian.** Diharapkan dengan sumbangan ini, kita dapat meringankan beban mereka dan memastikan tiada pelajar yang terpaksa meninggalkan pengajian hanya kerana kekurangan sumber kewangan.

Kepada YBRS. ENCIK MASDZARIF BIN MAHAT, wakil penerima dari Pejabat Pendaftar, wang wakalah zakat ini diamanahkan untuk **memperkasa kebajikan staf UTeM, khususnya mereka yang memerlukan bantuan kewangan.** Saya berharap, bantuan ini dapat meningkatkan kesejahteraan hidup staf kita dan memberikan motivasi kepada mereka untuk terus memberikan khidmat terbaik kepada universiti.

Manakala kepada USTAZ MUHAMMAD ASYRAF BIN SULAIMAN, wakil penerima dari Pusat Islam UTeM, wakalah zakat ini adalah untuk **menyokong pelbagai aktiviti fisabilillah yang dirancang.** Saya yakin bahawa Pusat Islam akan terus memainkan peranan yang penting dalam memperkukuhkan nilai-nilai Islam di kalangan warga universiti dan masyarakat setempat

melalui pelbagai program dakwah dan kebajikan yang bakal dilaksanakan juga

Akhir kalam, saya sekali lagi mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak UTeM Holdings Sdn. Bhd. di atas keprihatinan dan kemurahan hati syarikat dalam memberikan wang zakat wakalah kepada UTeM.

Dan semoga Kumpulan UTeM Holdings terus berjaya dalam perniagaannya. Kerana kejayaan tersebut akan secara langsung **meningkatkan bayaran zakat perniagaan yang akhirnya dapat disumbangkan kepada UTeM dan komuniti setempat yang memerlukan.**

Sekian, terima kasih.
wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. MALAYSIA MELAKA